WIKIPEDIA

Bahasa Poland

Bahasa Poland (*język polski*, *polszczyzna*) merupakan bahasa rasmi Poland. Bahasa ini merupakan Bahasa Slavik Barat yang paling ramai dituturkan.

Isi kandungan

Statistik
Pertaburan geografi
Rujukan
Lihat juga
Kamus
Pautan luar

Statistik

Kini Bahasa Poland merupakan bahasa rasmi Poland; bahasa ini dituturi oleh kebanyakan penduduk Poland yang seramai 38 juta (banci 2002). Terdapat juga sesetengah penutur ibunda di Belarus barat, Ukraine, dan juga Lithuania timur. Disebabkan oleh emigrasi dari Poland pada masa yang berlainan, berjuta-juta penutur ibunda boleh didapati di negara-negara seperti Australia, Brazil, Kanada, United Kingdom, Amerika Syarikat, dan lain-lain.

Dianggarkan terdapat sejumlah 10 juta etnik Poland di luar Negara Poland. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan berapa ramaikah diantara mereka yang bertutur dalam bahasa Poland - dianggarkan seramai 3,5 ke 10 juta[1]. Ini menjadikan jumlah keseluruhan penutur ibunda Bahasa Poland seramai antara 40 dan 48 juta di seluruh dunia. Menurut Etnolog, terdapat kira-kira 43 juta penutur bahasa Poland sebagai bahasa utama di seluruh dunia[2].

Bahasa Poland mempunyai penutur yang kedua teramai di kalangan Bahasa-bahasa Slavik selepas Bahasa Rusia. Bahasa ini merupakan lambang utama Bahasa-bahasa Lechia yang sebagai cawangan Bahasa-bahasa Slavik Barat. Bahasa Poland berasal dari kawasan Poland masa kini dari berbilang dialek-dialek Slavik Barat tempatan, terutamanya yang dituturkan di Poland Besar dan Poland Kecil. Bahasa ini berkongsi beberapa kosa kata dengan bahasa-bahasa Slavik yang berdekatan, yang terjelasnya dengan Bahasa Slovak, Bahasa Czech, Bahasa Ukraine, dan Bahasa Belarus.

Bahasa Poland

język polski

Sebutan	*akan ditambah*
Asli di	Poland (37-38 million); Juga ada penutur di Amerika Syarikat, United Kingdom, Belarus, Ireland, Australia, Kanada, Perancis, Jerman, Lithuania, Ukraine, Rusia, Argentina, Brazil, Uruguay, Israel dan negara lain-lain.
Penutur asli	50 juta (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Indo-Eropah ▪ Balto-Slavik ▪ Slavik ▪ Slavik Barat ▪ Lechia ▪ **Bahasa Poland**
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Eropah Poland
Dikawal oleh	Majlis Bahasa Poland
Kod bahasa	
ISO 639-1	`pl`
ISO 639-2	`pol`
ISO 639-3	`pol`

Pertaburan geografi

Bahasa Poland dituturkan terutamanya di Poland. Poland merupakan salah satu negara Eropah yang paling homogeneous mengenai bahasa ibundanya; hampir 97% Orang Poland mengisytiharkan Bahasa Poland sebagai bahasa ibunda mereka, disebabkan oleh penyingkiran bangsa Jerman semasa Perang Dunia Kedua, dan tekanan penindasan (suppression) terhadap bahasa-bahasa asing oleh pihak Komunis semasa Perang Dingin. Selepas Perang Dunia Kedua, bekas wilayah-wilayah Poland yang ditawan oleh KRSS masih mempunyai ramai Orang Poland yang tidak hendak atau tidak mahu berhijrah ke Poland-selepas-1945 dan kini masih ada minoriti besar etnik Poland di Lithuania, Belarus, dan Ukraine.

Bahasa Poland merupakan bahasa minoriti yang digunakan paling meluas di Vilnius County (26% bilangan penduduk, menurut banci 2001). Di Ukraine, Bahasa Poland sering digunakan di kawasan Lviv dan Lutsk. Belarus Barat mempunyai minoriti etnik Poland yang penting, terutamanya di kawasan-kawasan Brest dan Grodno.

Argentina, Australia, Austria, Azerbaijan, Brazil, Kanada, Republik Czech, Estonia, Finland, Germany, Greece, Hungary, Israel, Ireland, Kazakhstan, Latvia, New Zealand, Norway, Afrika Selatan, Sweden, Romania, Rusia, Slovakia, UAE, UK, Uruguay dan Amerika Syarikat juga mempunyai bilangan penutur Bahasa Poland yang tertonjol.

Rujukan

1. 1. Walczak, Bogdan, 2001. *Język polski na Zachodzie* [in:] Jerzy Bartmiński (ed.). *Współczesny język polski*. Lublin.: Wydawnictwo UMCS. 2. Price, Glanville (ed.), 2001. *Encyclopedia of the languages of Europe*. Oxford, Malden.: Blackwell Publishers. 3. Rothstein, Robert A., 2002. *Polish* [in:] Comrie, Bernard and Corbett, Greville, G. (ed.). *The Slavonic Languages*. First edition in paperback (first published 1993). London and New York.: Routledge.
2. Gordon, Raymond G., Jr. (ed.), 2005. Ethnologue: Languages of the World, Fifteenth edition. Dallas, Tex.: SIL International. Online version: http://www.ethnologue.com/.

Lihat juga

- Common phrases in Polish
- Poglish
- Bahasa-bahasa Slavik
- Slavic peoples
- Swadesh list of Slavic languages
- Wenedyk
- Wiktionary:Polish language
- Wikibooks:Basic Polish language course
- *Holy Cross Sermons*

Kamus

- Polish Dictionary (http://www.dict.pl) by ASTEC (http://www.astec.com.pl)
- Polish Dictionary (http://www.websters-online-dictionary.org/translation/Polish/) from Webster's Dictionary (http://www.websters-online-dictionary.org)

Edisi Bahasa Poland dari Wiktionary, kamus/thesaurus bebas

Pautan luar

- Polish Dictionary and Grammar Wiki (http://www.polishdictionary.info/)
- 1,000 free multi-choice Polish grammar drills online (http://www.polishgrammar.com/)
- Basic English-Polish Dictionary (https://www.polish-dictionary.com/)
- Polish language on Ethnologue (http://www.ethnologue.org/show_language.asp?code=pol)
- PWN Polish-Polish Dictionary (http://sjp.pwn.pl/)
- Webster's Online Polish-English Dictionary (http://www.websters-online-dictionary.org/definition/Polish-english/)
- Polish-English dictionary (http://www.dict.pl)
- Online translation Polish<->English (http://www.poltran.com/)
- Polish language course (http://golem.umcs.lublin.pl/users/ppikuta/lessons/less0.htm)
- A Concise Polish Grammar, by Ronald F. Feldstein (110-page 600-KB pdf) (http://seelrc.org:8080/grammar/pdf/compgrammar_polish.pdf)
- A Polish Grammar and a Polish Course (http://www.grzegorj.jzn.pl/)
- Univ. of Pittsburgh: Polish Language Website (http://polish.slavic.pitt.edu)
- Type any text with Polish characters (http://polish.typeit.org) - an online editor
- Map of Polish dialects (http://artur.czesak.webpark.pl/Stronica/Dialpol.html)
- Polish bilingual dictionaries (http://www.dicts.info/dictlist1.php?l=Polish)

Wikipedia ***Bahasa Poland***, ensiklopedia bebas

[[wikibooks:|]] Wikibooks mempunyai maklumat lanjut mengenai: ***Polish***

Wikiquote mempunyai koleksi petikan mengenai: ***Bahasa Poland***

Bahasa-bahasa Slavik

Slavik Timur	Belarusia | Slavik Timur Lama † | Rusia | Rusyn (Karpatos) | Ruthenia † | Ukraine
Slavik Barat	Czech | Kashubia | Canaan † | Sorb Bawah | Polabia † | Poland | Pomerania † | Slovak | Slovincia † | Sorb Atas
Slavik Selatan	Bulgaria Banat | Bosnia | Bulgaria | Croatia Burgenland | Croatia | Makedonia | Croatia Molise | Montenegrin | Slavik Gereja Lama † | Serbia | Serbo-Croatia | Slavik (Greece) | Slovenia
Lain-lain	Slavik Gereja | Dialek Novgorod Lama † | Proto-Slavik † | Russenorsk † | Rusyn (Pannonia) | Slavik-Serbia † | Slovio † Pupus

Templat:Official EU languages

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Poland&oldid=4304124"

Laman ini kali terakhir disunting pada 01:17, 3 Mac 2018.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.